

Mewujudkan Persekutaran Hidup Lebih Selamat dan Terjamin

Kertas Strategi

7

PENDAHULUAN

RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

Peningkatan *Omnipresence*

Peningkatan Penglibatan Masyarakat

Program Bandar Selamat

Penyampaian Perkhidmatan di Balai Polis

Rawatan Penagih Dadah

Pemulihan Banduan

ISU DAN CABARAN

Isu Penguatkuasaan

Persepsi Rasa Tidak Selamat

Pengetahuan dan Kemahiran yang Kurang dalam Kalangan Anggota Penguatkuasaan Undang-Undang

Kurang Penglibatan Badan Bukan Kerajaan dan Masyarakat dalam Pencegahan Jenayah, Rawatan dan Program Selepas Pemulihan

Peningkatan Kadar Penagih Dadah Berulang dan Pengulang Laku Jenayah

Pemerdagangan Manusia

Peningkatan Ancaman Jenayah Siber

RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

Memantapkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Penguatkuasaan Undang-Undang

Mengkaji Semula Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan

Meningkatkan Keupayaan Anggota Penguat Kuasa

Mengukuhkan Kerjasama Antara Agensi dan Kerjasama Antarabangsa

Memperkuuh Pemantauan dan Pengawasan di Sempadan serta Kawalan di Pintu Masuk dan Keluar Negara

Memperluas Penyertaan Badan Bukan Kerajaan dan Orang Awam dalam Rawatan dan Program Selepas Pemulihan

Memperkemas Proses Permit Pekerja Asing dan Visa Pelajar

Melaksanakan Program Pemulihan Pemasyarakatan Kepada Penagih Dadah

Mengurangkan Kadar Pengulang Laku Jenayah

Meningkatkan Kesedaran Mengenai Jenayah

KESIMPULAN

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Blok B5 & B6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

<http://www.epu.gov.my>

Tel.: 603-8000 8000

Faks.: 603-8888 3755

Hakcipta Penerbit ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.**

I. PENDAHULUAN

7.1 Keselamatan awam merupakan satu daripada tonggak utama ke arah menjadikan Malaysia negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Persekutaran yang selamat adalah penting untuk mengekalkan kemampunan pembangunan ekonomi serta menjamin kesejahteraan rakyat. Pelbagai program pencegahan jenayah yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 (RMKe-10) telah dapat mengurangkan indeks jenayah. Walau bagaimanapun, peningkatan pencerobohan sempadan, pemerdagangan manusia, penyeludupan dan jenayah siber memberikan ancaman kepada keselamatan dan ketenteraman awam. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11), usaha pencegahan jenayah dan penguatkuasaan undang-undang akan diperkuatkuuh untuk mewujudkan persekitaran hidup lebih selamat dan memastikan ketenteraman awam.

II. RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH, 2011-2015: KEMAJUAN

7.2 Dalam tempoh RMKe-10, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk mencegah jenayah termasuk di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pengurangan Jenayah yang bertujuan membanteras jenayah, meningkatkan keselamatan awam dan menambah baik perkhidmatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Usaha ini telah mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat.

Peningkatan *Omnipresence*

7.3 Bagi memerangi jenayah, PDRM telah melaksanakan program *omnipresence* dengan meningkatkan kehadiran polis terutama di kawasan perumahan dan perniagaan. *Omnipresence* dan rondaan polis ditingkatkan melalui Unit Rondaan Bermotosikal (URB), Unit Kereta Peronda Polis (MPV) dan penglibatan pegawai kanan polis dengan masyarakat. Usaha tersebut telah mengurangkan jenayah jalanan yang terdiri daripada samun berkumpulan tanpa senjata api, samun tanpa senjata api serta ragut sebanyak 17.6%, iaitu daripada 23,408 kes pada tahun 2011 kepada 19,299 kes pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, indeks jenayah berkurangan sebanyak 22.7%, iaitu daripada 166,295 kes kepada 128,544 kes, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-1*.

Paparan 7-1
Indeks Jenayah 2011-2014

| Jenis dan Kategori | 2011 | | 2014 | | 2011-2014 |
|--------------------------------------|----------------|--------------|----------------|--------------|-----------------------------|
| | Bilangan Kes | % | Bilangan Kes | % | Peningkatan/Pengurangan (%) |
| Jenayah Keganasan | 30,662 | 18.4 | 25,425 | 19.8 | -17.1 |
| Bunuh | 530 | 0.3 | 510 | 0.3 | -3.8 |
| Rogol | 3,270 | 1.9 | 2,286 | 1.8 | -30.1 |
| Samun berkumpulan dengan senjata api | 318 | 0.2 | 89 | 0.1 | -72.0 |
| Samun berkumpulan tanpa senjata api | 16,084 | 9.7 | 13,671 | 10.6 | -15.0 |
| Samun dengan senjata api | 52 | 0.1 | 23 | 0.1 | -55.8 |
| Samun tanpa senjata api | 3,871 | 2.3 | 3,249 | 2.5 | -16.1 |
| Mencederakan | 6,537 | 3.9 | 5,597 | 4.4 | -14.4 |
| Jenayah Harta Benda | 135,633 | 81.6 | 103,119 | 80.2 | -24.0 |
| Curi | 30,502 | 18.3 | 19,660 | 15.3 | -35.5 |
| Curi kereta | 16,110 | 9.7 | 13,407 | 10.4 | -16.8 |
| Curi motosikal | 50,896 | 30.6 | 43,015 | 33.4 | -15.5 |
| Curi van/lori/kenderaan berat | 4,472 | 2.7 | 4,076 | 3.2 | -8.9 |
| Ragut | 3,453 | 2.1 | 2,379 | 1.9 | -31.1 |
| Pecah rumah dan curi | 30,200 | 18.2 | 20,582 | 16.0 | -31.8 |
| Jumlah | 166,295 | 100.0 | 128,544 | 100.0 | -22.7 |

Sumber: Polis Diraja Malaysia

Peningkatan Penglibatan Masyarakat

7.4 Penglibatan masyarakat dan program kesukarelawanan adalah penting dalam meningkatkan keselamatan awam dan mencegah jenayah. Kerjasama yang lebih erat antara agensi penguat kuasa dengan masyarakat dicapai menerusi aktiviti kesukarelawanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) yang terdiri daripada ahli RELA, JPAM dan masyarakat telah membantu PDRM dalam meningkatkan *omnipresence* dan pencegahan jenayah. Jumlah ahli RELA dan JPAM yang menyertai SSP adalah seramai 5,685 pada tahun 2014, melebihi sasaran seramai 5,000 pada tahun 2015.

7.5 Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan program pengawasan jenayah berasaskan komuniti di bawah Program Rukun Tetangga (RT) telah meningkatkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Bilangan SRS berdaftar meningkat daripada 2,910 pada tahun 2011 kepada 4,460 pada tahun 2014. Pada tahun 2013, rondaan bersama antara SRS, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM dilaksanakan

di bawah Program Rondaan Awam Polis dan Anggota Tentera (RAPAT 1Malaysia) meliputi 75 kawasan yang sering berlaku jenayah bagi mengurangkan jenayah.

Program Bandar Selamat

7.6 Program Bandar Selamat merangkumi konsep Program Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekutaran Selamat (CPTED) telah dilaksanakan di 151 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT). Pelaksanaannya tertumpu di kawasan yang sering berlaku jenayah khususnya di kawasan yang mempunyai kes jenayah jalanan yang tinggi bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat dan terjamin. Sebanyak 45 kawasan PBT telah dipasang dengan 992 kamera litar tertutup (CCTV). Langkah pencegahan jenayah lain seperti pemasangan rel penghadang, cermin keselamatan dan pencahayaan yang lebih baik juga telah dilaksanakan. Kaji selidik mengenai persepsi rasa selamat oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2012, mendapati sebanyak 80% penduduk di kawasan yang sering berlaku jenayah berasa lebih selamat berbanding dengan sasaran yang ditetapkan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0, iaitu sebanyak 55%.

7.7 Inisiatif Pemutihan *Black Spot* yang diperkenalkan pada tahun 2013 telah dilaksanakan di kawasan yang cenderung berlaku jenayah di 76 PBT. Inisiatif ini memberikan tumpuan untuk menghapuskan tempat maksiat, perjudian dan penagihan dadah. Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan kerjasama antara Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), PDRM, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Kaji selidik yang dilaksanakan oleh KP KT pada tahun 2013 untuk menilai persepsi masyarakat terhadap impak inisiatif ini mendapati sebanyak 61% daripada penduduk mempunyai persepsi rasa selamat berbanding dengan 55% sasaran GTP 2.0.


Penyampaian Perkhidmatan di Balai Polis

7.8 Inisiatif Liga Balai telah dilancarkan pada Mac 2010 bertujuan menilai dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan balai polis di seluruh negara. Inisiatif ini menggalakkan anggota polis di semua 788 balai memberikan perkhidmatan lebih baik dalam menangani jenayah, pengendalian laporan dan layanan terhadap mangsa jenayah. Balai polis yang berprestasi tinggi diberikan penghargaan dan amalan terbaik tersebut dikongsi dengan balai polis yang lain. Kaji Selidik Tahap Kepuasan Orang Awam Terhadap Perkhidmatan Barisan Hadapan PDRM mendapati pelaksanaan inisiatif ini telah meningkatkan tahap kepuasan orang awam terhadap perkhidmatan PDRM, seperti yang ditunjukkan dalam Kotak 7-1.

Kotak 7-1
Kaji Selidik Tahap Kepuasan Orang Awam Terhadap Perkhidmatan Barisan Hadapan PDRM

Kaji selidik telah dimulakan sejak tahun 2010 melalui temu bual bersemuka dengan 5,000 responden yang berusia 18 tahun dan ke atas serta meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Kaji selidik dalam tempoh 2011-2014 menunjukkan peningkatan tahap kepuasan orang awam terhadap perkhidmatan barisan hadapan PDRM, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-2*.

Paparan 7-2
Tahap Kepuasan Orang Awam Terhadap Perkhidmatan Barisan Hadapan PDRM



Nota: Pengumpulan data dijalankan secara dwitahunan kecuali pada tahun 2011 setiap suku tahun dan 2014 secara tahunan

Sumber: Kaji selidik Tahap Kepuasan Orang Awam Terhadap Perkhidmatan Barisan Hadapan PDRM, Frost dan Sullivan, 2011-2014

Tahap kepuasan terhadap perkhidmatan PDRM telah meningkat daripada 61.9% pada tahun 2011 kepada 92.5% pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah hasil sikap anggota polis yang lebih empati dan mesra pelanggan di samping tindak balas yang pantas dalam pengendalian laporan kes jenayah.

Rawatan Penagih Dadah

7.9 Ketagihan dadah dirawat secara mandatori dan sukarela. Penagih dadah yang disabitkan kesalahan akan menjalani rawatan secara mandatori di Pusat Rawatan dan Pemulihan (CCRC). Jumlah pesakit dadah di CCRC meningkat daripada 4,861 pada tahun 2011 kepada 5,455 pada tahun 2014. Manakala rawatan secara sukarela disediakan kepada penagih dadah di Klinik Rawatan dan Pemulihan 1Malaysia (Klinik C&C) dan Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (CCSC). Dalam tempoh 2011-2014, kes penagihan dadah baharu¹ berkurangan sebanyak 3.0% daripada 13,683 kepada 13,271. Kes

¹ Penagih dadah yang dikesan kali pertama menjalani rawatan / pemulihan oleh AADK

penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja berusia 13-24 tahun pula berkurangan sebanyak 22.3% daripada 6,209 kepada 4,825.

Pemulihan Banduan

7.10 Kaedah hukuman terhadap banduan telah diubah daripada pemenjaraan kepada koreksional dan pemulihan. Pemulihan banduan dilaksanakan melalui program pembangunan kendiri yang merangkumi pemupukan disiplin, pembangunan sahsiah dan kemahiran. Banduan yang menunjukkan tingkah laku baik akan diberikan ganjaran bertemu keluarga di bawah Program Penyatuan Semula Keluarga Penghuni Penjara.

7.11 Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) telah melaksanakan Program Pemulihan Pemasyarakatan (CRP) bagi menyediakan latihan kemahiran dan meningkatkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat serta mengurangkan kesesakan di penjara. Jumlah banduan yang menjalani pemulihan di bawah program ini meningkat daripada 996 pada tahun 2011 kepada 1,256 pada tahun 2014. Kadar pengulang laku jenayah pula kekal dalam lingkungan antara 7.0% hingga 8.0%.

7.12 Sistem parol diperkenalkan pada tahun 2010 sebagai sebahagian daripada program pemulihan untuk banduan yang telah melakukan kesalahan ringan dan menunjukkan kelakuan baik. Sistem ini memberikan peluang kepada banduan mendapat pembebasan lebih awal dan membantu pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Jumlah banduan yang menjalani sistem parol meningkat daripada 308 pada tahun 2011 kepada 427 pada tahun 2014.

III. ISU DAN CABARAN

7.13 Walaupun hasil positif telah dicapai melalui usaha pencegahan jenayah, masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditangani. Antaranya adalah penguatkuasaan, persepsi masyarakat terhadap keselamatan, peningkatan kadar penagih dadah berulang dan pengulang laku jenayah serta ancaman jenayah siber yang semakin meningkat.

Isu Penguatkuasaan

7.14 Kurangnya integriti segelintir penguat kuasa mengakibatkan ketidakpercayaan dan kehilangan keyakinan orang awam terhadap agensi penguat kuasa. Sebagai contoh, amalan rasuah dan kebocoran maklumat menyebabkan serbuan dan operasi kurang

berkesan. Jumlah anggota penguat kuasa yang ditangkap melibatkan 21 agensi penguat kuasa adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-3*.



Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

7.15 Penguatkuasaan yang kurang berkesan menyebabkan peningkatan penyeludupan barang, kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI), pencerobohan sempadan dan pemerdagangan manusia. Nilai rampasan kontraban seperti dadah, rokok dan arak meningkat daripada RM561.8 juta pada tahun 2011 kepada RM745.9 juta pada tahun 2014. Jumlah PATI yang ditangkap pula meningkat daripada 37,344 kepada 37,623.

7.16 Kekurangan kerjasama dalam kalangan agensi penguat kuasa menjadikan keberkesaan operasi dan penggembangan sumber khususnya personel. Perkongsian data dan maklumat dalam kalangan agensi penguat kuasa masih kurang berikutan sistem yang tidak bersepadan. Persisiran pantai dan sempadan darat Malaysia yang panjang memberikan cabaran untuk menjalankan penguatkuasaan yang berkesan. Mekanisme pemantauan dan pengawasan di sepanjang sempadan serta peralatan pengesanan dan pengawasan di pintu masuk dan keluar negara sedia ada perlu ditambah baik.

Persepsi Rasa Tidak Selamat

7.17 Kajian *World Justice Project Rule of Law Index*² menunjukkan kedudukan Malaysia dalam subindeks keselamatan dan ketenteraman awam bertambah baik

² *World Justice Project Rule of Law Index* merangkumi lapan komponen, iaitukekangan kuasa pemerintah, tiada amalan rasuah, keterbukaan kerajaan, hak asasi, keselamatan dan ketenteraman, penguatkuasaan peraturan, keadilan undang-undang sivil dan keadilan undang-undang jenayah. Faktor keselamatan dan ketenteraman mengukur tiga dimensi meliputi pelbagai ancaman: **jenayah** terutamanya jenayah konvensional seperti pembunuhan, penculikan, kecurian, rompakan bersenjata, pemerasan dan penipuan; **kekacauan politik** termasuk keganasan, konflik bersenjata dan pergolakan politik; dan **keganasan** sebagai cara yang diterima dalam masyarakat untuk menyatakan ketidakpuasan peribadi (ketidakpercayaan kepada sistem keadilan sedia ada).

daripada tangga ke-16 daripada 97 negara pada 2012/2013 kepada tangga ke-12 daripada 99 negara pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, siri Kaji Selidik Indeks Persepsi Rasa Selamat dalam kalangan rakyat di bawah NKRA menunjukkan peratusan responden yang berasa selamat berkurang daripada 47.5% pada tahun 2011 kepada 39.0% pada tahun 2014. Laporan yang disensasikan oleh media massa dan penyebaran berita palsu dalam media sosial juga memberikan kesan terhadap persepsi rasa selamat orang awam.

Pengetahuan dan Kemahiran yang Kurang dalam Kalangan Anggota Penguatkuasaan Undang-Undang

7.18 Jenayah telah menjadi semakin kompleks dan canggih. Perkara ini memberikan cabaran kepada anggota penguat kuasa dari segi kemahiran, teknologi dan kaedah baharu yang diperlukan dalam penyiasatan dan pendakwaan, terutamanya bagi kes jenayah siber dan pengubahan wang haram.

Kurang Penglibatan Badan Bukan Kerajaan dan Masyarakat dalam Pencegahan Jenayah, Rawatan dan Program Selepas Pemulihan

7.19 Tahap penglibatan masyarakat dalam mencegah jenayah masih rendah disebabkan oleh tanggapan yang tidak tepat bahawa usaha pencegahan jenayah merupakan tanggungjawab agensi penguatkuasaan undang-undang semata-mata. Kesukarelawanan dan kepolisan masyarakat di bawah SRS dan SSP adalah masih kurang.

7.20 Penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat penting dalam usaha pemulihan dan program selepas pemulihan penagih dadah. Walaupun sebanyak 75 NGO terlibat dalam rawatan pemulihan penagih dadah, peranan mereka dalam mencegah penagihan dadah pada peringkat awal ketagihan dan membantu bekas banduan supaya diterima semula oleh masyarakat adalah masih kurang.

Peningkatan Kadar Penagih Dadah Berulang dan Pengulang Laku Jenayah

7.21 Masalah penyalahgunaan dadah terus menjadi ancaman kepada golongan muda. Kadar penagih dadah berulang meningkat daripada 29.9% pada tahun 2011 kepada 37.5% pada tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan oleh terdapatnya dadah jenis sintetik yang diproses dalam negara. Sementara itu, kadar pengulang laku jenayah pula meningkat daripada 7.9% kepada 8.1%.

Pemerdagangan Manusia

7.22 Laporan *United States Trafficking in Persons (USTIP)* menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan Tahap Dua (Senarai Pemerhatian) dalam tempoh 2010-2013. Pada tahun 2014, kedudukan Malaysia telah merosot ke Tahap Tiga, iaitu setaraf dengan Thailand, Gambia dan Venezuela. Kemerosotan ini disebabkan oleh kurangnya penyediaan tempat perlindungan dan pelaksanaan program selepas pemulihan untuk mangsa serta kelemahan dalam mendakwa pesalah pemerdagangan manusia.

Peningkatan Ancaman Jenayah Siber

7.23 Jenayah siber termasuk mencuri data dan menggodam menjadi semakin kompleks dan bersifat global. Media sosial telah digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan kandungan berbaur hasutan dan fahaman ekstrem. Kes jenayah siber didapati berkurangan daripada 6,586 pada tahun 2011 kepada 5,374 pada tahun 2014, namun kerugian kewangan meningkat daripada RM80.6 juta kepada RM148.0 juta.

7.24 Usaha menangani jenayah siber memerlukan penglibatan pelbagai agensi seperti PDRM, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia. Walau bagaimanapun, jenayah yang semakin canggih dan isu bidang kuasa dalam kalangan agensi penguat kuasa telah memberikan cabaran serius dalam usaha menangani jenayah ini.

IV. RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS, 2016-2020: HALA TUJU

7.25 Dalam tempoh RMKe-11, strategi akan ditumpukan ke arah mencapai sasaran seperti yang berikut:


- Mengurangkan indeks jenayah sebanyak 5% setiap tahun
- Meningkatkan persepsi rasa selamat daripada 39% pada tahun 2014 kepada 60% pada tahun 2020
- Mempertingkatkan kedudukan Malaysia dalam *The World Justice Project Rule of Law Index* bagi subindeks keselamatan dan ketenteraman awam daripada tangga ke-12 pada tahun 2014 kepada 10 negara paling selamat pada tahun 2020
- Mengurangkan kadar pengulang laku jenayah daripada 8.1% pada tahun 2014 kepada 5% pada tahun 2020 manakala kadar penagih dadah berulang daripada 37.5% kepada 35%

7.26 Sebanyak 12 inisiatif akan dilaksanakan untuk meningkatkan keselamatan awam seperti kanvas strategi yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-4*. Inisiatif ini dikelompokkan kepada lima strategi seperti yang berikut:

- Meningkatkan pencegahan jenayah dan penguatkuasaan undang-undang
- Meningkatkan keupayaan anggota penguat kuasa
- Memperkasa kerjasama dalam kalangan agensi penguat kuasa
- Meningkatkan kesedaran tentang jenayah
- Memantapkan pemulihan, rawatan dan program selepas pemulihan

Paparan 7-4

Kanvas Strategi Mewujudkan Persekutuan Hidup Lebih Selamat dan Terjamin



Memantapkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Penguatkuasaan Undang-Undang

7.27 Langkah memerangi jenayah akan dipergiat menerusi program *omnipresence* dengan menempatkan lebih ramai anggota polis untuk melaksanakan tugas hakiki kepolisan khususnya pencegahan jenayah. Program Bandar Selamat akan diperluas untuk meningkatkan pencegahan jenayah. Kerjasama antara agensi penguat kuasa dengan masyarakat akan dipergiat untuk memupuk keyakinan masyarakat terhadap inisiatif Kerajaan dalam membanteras jenayah. PDRM melalui Jabatan Pencegahan

Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) akan memperkuuh hubungan antara polis dengan orang awam serta meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pencegahan jenayah. Pelaksanaan program kepolisan masyarakat seperti SRS dan SSP akan terus dipergiat.

7.28 Orang awam akan digalakkan untuk mengamalkan *self-policing* dan memasang sistem pencegahan jenayah di kediaman mereka sebagai sebahagian langkah pencegahan jenayah. Program RakanCop akan diperkuuh bagi menggalakkan masyarakat menjadi mata dan telinga PDRM dengan melaporkan aktiviti jenayah dan aktiviti yang mencurigakan.

7.29 Sektor swasta pula akan digalakkan untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pencegahan jenayah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial mereka. Selaras dengan CPTED, sektor swasta juga digalakkan untuk melaksanakan pendekatan yang akan membantu mewujudkan persekitaran yang selamat. CPTED akan dijadikan komponen pembangunan kawasan perumahan dan komersial untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat serta berfungsi sebagai langkah pencegahan jenayah. Pihak swasta akan digalakkan untuk memasang CCTV yang boleh dihubungkan dengan pusat kawalan PDRM menerusi platform rangkaian terbuka.

7.30 Peranan Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (STAFOC), Pasukan Khas Taktikal Perisikan dan Narkotik (STING) dan Skuad Teknikal Khas Anti Maksiat, Perjudian dan Gangsterisme (STAGG) akan diperkuuh untuk mencegah jenayah terancang, sindiket dadah, perjudian dan gangsterisme. Pasukan petugas ini akan dilengkapi dengan keupayaan mengumpul maklumat risikan untuk melaksanakan tindakan awal dalam pencegahan jenayah termasuk mengenal pasti ancaman baharu serta melaksanakan penilaian risiko dan pengesanan.

7.31 Aset Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (CNII) seperti dalam sektor perbankan, telekomunikasi dan tenaga akan diwajibkan mematuhi standard keselamatan siber oleh badan kawal selia. Pematuhan standard ini akan meningkatkan keselamatan rangkaian sektor tersebut daripada ancaman siber dan bencana alam.

Mengkaji Semula Undang-Undang dan Peraturan Berkaitan

7.32 Undang-undang dan peraturan sedia ada akan dikaji semula supaya selaras dengan perubahan landskap sosiopolitik, persekitaran ekonomi dan konvensyen antarabangsa. Undang-undang berkaitan aktiviti penyalahgunaan dadah, rasuah, keganasan, jenayah siber dan aktiviti berunsur hasutan akan dipinda bagi meningkatkan keberkesanan pencegahan jenayah. Antaranya adalah Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Hasutan 1948, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA

2012), Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

7.33 Akta Dadah Berbahaya 1952 akan disemak semula supaya pihak mahkamah boleh menjatuhkan hukuman selain hukuman mati (*discretionary death*) bagi kesalahan dadah. Akta Jenayah Komputer 1997 pula akan dipinda untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan menggodam dan mencuri maklumat peribadi melalui Internet. Selain itu, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 akan dipinda dengan memasukkan peruntukan liabiliti korporat bagi membolehkan syarikat dipertanggungjawabkan ke atas perlanggaran dan kesalahan rasuah yang dilakukan oleh pekerja. Pindaan ke atas Akta SOSMA 2012 dan Akta Hasutan 1948 akan dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan dalam memerangi aktiviti keganasan dan berunsur hasutan.

Meningkatkan Keupayaan Anggota Penguat Kuasa

7.34 Kerajaan akan mempertingkatkan keupayaan anggota penguat kuasa. Amalan terbaik dalam analisis dan siasatan jenayah daripada *International Criminal Police Organisation* (INTERPOL) dan agensi penguat kuasa terkemuka di negara maju akan diguna pakai. Anggota penguat kuasa akan dilengkapi dengan peralatan yang bersesuaian bagi mengumpul maklumat perisikan, menganalisis bukti, menjalankan penyiasatan dan melaksanakan pendakwaan. Pengetahuan dan kemahiran penyiasat, anggota penguat kuasa dan pendakwa akan ditingkatkan melalui latihan khusus dan program pertukaran pegawai.

7.35 Integriti anggota penguat kuasa akan diperkuuh melalui program kesedaran dan penguatkuasaan undang-undang. Penguatkuasaan yang lebih ketat akan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) bagi membendung tingkah laku tidak beretika dan amalan rasuah dalam kalangan anggota penguat kuasa. PDRM akan memperkuuh peranan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) untuk mengurangkan penyalahgunaan kuasa dan meningkatkan pematuhan prosedur operasi standard (SOP). Pusingan kerja dalam agensi penguat kuasa akan diberikan perhatian bagi menutup ruang berlakunya amalan rasuah. Institut Integriti Malaysia (IIM) akan melaksanakan program pendidikan integriti dalam kalangan anggota penguat kuasa.

Mengukuhkan Kerjasama Antara Agensi dan Kerjasama Antarabangsa

7.36 Kerjasama antara agensi akan diperkuuh melalui penubuhan pasukan petugas bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang termasuk penyepadan pangkalan data dan perkongsian maklumat dalam kalangan agensi penguat kuasa. Perkongsian sumber dan maklumat risikan akan membolehkan tindakan pantas dan tepat dapat dilaksanakan untuk membanteras jenayah.

7.37 Dalam konteks jenayah siber, kerjasama antara tujuh agensi penguat kuasa yang terlibat dalam menangani jenayah tersebut akan diperkuuh. Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai agensi peneraju akan ditugaskan untuk mewujudkan pasukan petugas khas dan SOP dalam meningkatkan penyelaras dan penguatkuasaan terhadap ancaman siber ke atas CNII.

7.38 Kerjasama antarabangsa secara dua hala dan pelbagai hala dengan negara luar dan badan kepolisan antarabangsa akan diperkuuh menerusi perkongsian pintar, penempatan sementara pegawai serta perkongsian maklumat dan risikan serta amalan terbaik dalam menangani isu jenayah rentas sempadan, jenayah siber dan jenayah terancang. Inisiatif ini termasuk kerjasama dengan agensi berkaitan kecemasan siber pada peringkat antarabangsa bagi mendapatkan amaran awal terhadap ancaman siber bentuk baharu.

Memperkuuh Pemantauan dan Pengawasan di Sempadan serta Kawalan di Pintu Masuk dan Keluar Negara

7.39 Kawalan dan pengawasan akan dipertingkatkan dengan menambah baik peralatan berkaitan dan membina pangkalan laut (*sea basing*) bagi mengekang pencerobohan sempadan. Usaha akan ditumpukan dengan memperkuuh kawalan di pintu masuk dan keluar negara yang tidak sah untuk menghalang kemasukan PATI dan aktiviti haram. Usaha ini termasuk pelaksanaan operasi dan rondaan bersama oleh pelbagai agensi penguat kuasa sempadan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan ATM. Kawalan imigresen di pintu masuk dan keluar negara juga akan dipertingkatkan dengan penggunaan Sistem Pengimbasan Penumpang Termaju (APSS), sistem pengecaman muka dan sistem biometrik.

7.40 Program penempatan semula perkampungan air dan pemindahan setinggan akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan untuk

mencegah kemasukan PATI dan aktiviti penyeludupan. Kerajaan akan memanfaatkan hubungan baik dengan negara jiran untuk meningkatkan kawalan sempadan melalui penambahbaikan proses dan prosedur imigresen.

Memperluas Penyertaan Badan Bukan Kerajaan dan Orang Awam dalam Rawatan dan Program Selepas Pemulihan

7.41 Penyertaan NGO dan orang awam dalam rawatan, pemulihan dan program selepas pemulihan akan diperluas termasuk mengenal pasti kes baharu penyalahgunaan dadah dan melaksanakan program jangkauan dan pendampingan masyarakat. NGO dan masyarakat digalakkan untuk membantu bekas banduan dan penagih dadah mendapat pekerjaan dan menyesuaikan diri ke dalam masyarakat. Usaha ini akan mengurangkan stigma terhadap bekas banduan dan penagih dadah seterusnya dapat mengurangkan kadar penagih dadah berulang dan pengulang laku jenayah.

7.42 Sebagai sebahagian usaha membanteras pemerdagangan orang, NGO digalakkan untuk meningkatkan kempen kesedaran dan menyediakan tempat perlindungan kepada mangsa. Selaras dengan standard antarabangsa, NGO juga digalakkan membantu Kerajaan dalam memberikan perlindungan termasuk menyediakan bantuan guaman dan psikologi kepada mangsa pemerdagangan orang.

Memperkemas Proses Permit Pekerja Asing dan Visa Pelajar

7.43 Usaha akan diambil untuk mempermudah kemasukan pelajar tulen ke dalam negara melalui kerjasama antara Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penguatkuasaan juga akan diperkuatkuuh bagi memastikan institusi pengajian tinggi mematuhi prosedur yang ditetapkan.

7.44 Pengurusan pengambilan pekerja asing akan ditambah baik melalui pengukuhan peranan pusat sehenti di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM). Penguatkuasaan akan diperkuatkuuh melalui kerjasama yang lebih erat antara JIM dengan PBT.

Melaksanakan Program Pemulihan Pemasyarakatan Kepada Penagih Dadah

7.45 Berasaskan kejayaan CRP dalam mengurangkan kadar pengulang laku jenayah, AADK dan agensi berkaitan akan bekerjasama dalam memperluas CRP untuk pemulihan penagih dadah. Matlamat program CRP adalah untuk mengurangkan kadar penagih

dadah berulang dengan membantu mereka bersedia dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi cabaran selepas tempoh pemulihan.

7.46 CRP tersebut akan dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan yang sesuai untuk rawatan dan pemulihan penagih dadah. Penagih dadah yang menjalani program CRP akan diberikan kemahiran yang diperlukan serta peluang pembangunan kerjaya dan keusahawanan bagi meningkatkan kebolehpasaran dan menyesuaikan diri ke dalam masyarakat.

Mengurangkan Kadar Pengulang Laku Jenayah

7.47 Program pembangunan kendiri untuk banduan akan diperkuuh dengan penambahbaikan modul kemahiran, keusahawanan dan pembangunan sahsiah. Penyediaan rumah transit kepada banduan akan diperluas termasuk kepada banduan yang menjalani sistem parol. Peranan pegawai parol akan dipertingkatkan bagi membantu banduan yang baru dibebaskan mendapat pekerjaan. CRP akan diperluas dengan kerjasama KEMENTAH bagi mengurangkan kesesakan di penjara. Usaha ini akan membantu bekas banduan untuk menyesuaikan diri ke dalam masyarakat dan mengurangkan kadar pengulang laku jenayah.

Meningkatkan Kesedaran Mengenai Jenayah

7.48 Penglibatan juvana dalam jenayah akan dicegah melalui program kaunseling dan pendidikan. Pendekatan bersepadu melibatkan agensi seperti PDRM, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, dan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NGO dalam mendidik remaja mengenai seks, HIV/AIDS, ketagihan dadah dan jenayah akan dilaksanakan melalui program seperti Kempen Keselamatan Kanak-Kanak dan Kempen Perlindungan Kanak-Kanak. Program Pembimbing Rakan Sebaya di sekolah akan diperluas untuk memberikan khidmat kaunseling dalam kalangan pelajar yang bermasalah. Program ini akan dilaksanakan melalui kerjasama pihak sekolah dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

7.49 Program pembudayaan dan kesedaran mengenai pencegahan jenayah akan dilaksanakan melalui media sosial yang menyasarkan golongan berisiko tinggi. Sistem Pemantauan Bandar Selamat akan memudahkan orang awam untuk memperoleh maklumat mengenai jenayah di kawasan sekitar. Sistem ini akan mengintegrasikan pemetaan sistem maklumat geografi (GIS) dengan data jenayah PDRM dan Program Bandar Selamat. Selain itu, program *CyberSAFE in Schools*, iaitu program kerjasama antara KPM dengan CyberSecurity Malaysia akan dilaksanakan di sekolah dan institusi

pengajian tinggi untuk memupuk penggunaan Internet dan media sosial secara bertanggungjawab dalam kalangan kanak-kanak dan belia.

V. KESIMPULAN

7.50 Dalam tempoh RMKe-11, persekitaran hidup yang lebih selamat akan diwujudkan dengan meningkatkan pencegahan jenayah dan penguatkuasaan undang-undang; memperkuuh keupayaan anggota penguat kuasa; memperkasa kerjasama dalam kalangan agensi penguat kuasa; meningkatkan kesedaran tentang jenayah serta memantapkan pemulihan, rawatan dan program selepas pemulihan. Langkah ini akan mengurangkan indeks jenayah dan meningkatkan persepsi rakyat terhadap keselamatan.